

# MENGHADAPI CABARAN PENISBIAN NILAI (MORAL SUBJECTIVISM): AGAMA SEBAGAI ASAS KEKUATAN AKHLAK

Oleh:

Mohd Farid Mohd Shahrar \*

## Abstract

*This article discusses the continuing philosophical debate concerning the objectivity of moral values. It examines whether an objective, universal and permanent system of moral values really exist or otherwise. After tracing briefly the historical roots of moral subjectivism from its Greco-Roman origin to the Modern Era, this deliberation proceeds by emphasising the basic premises put forward by major Western philosophers in their arguments to support the subjectivity of values. Followed by some observations on the implications of this pervasive idea upon the greater part of the Western society, this article subsequently deals with a number of essential criticisms on the shortcomings of moral subjectivism as posited by those Western philosophers and scholars. It concludes the religious positions on morality, especially Islam, vis-à-vis the intellectual trend of relativism of values and prescribes*

---

\* Mohd Farid Mohd Shahrar (M.A.), ialah felo penyelidik di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau adalah calon Doktor Falsafah dalam bidang Pemikiran Islam di Institut yang sama.

*how Muslim should place themself amid this polemic of moral values.*

## Mukaddimah

Ketika Socrates (470-399 S.M.), seorang ahli falsafah awal Yunani, dihukum mati oleh kerajaan Athens dengan dipaksa memakan racun (*hemlock*) atas dakwaan meracuni pemikiran anak muda Athens, rakannya Crito telah menasihatkan beliau supaya lari dari kota tersebut kerana apa yang beliau pertahankan adalah nilai-nilai yang luhur. Socrates enggan berbuat demikian kerana beliau tidak mahu menentang undang-undang negara Athens sambil berpegang dengan prinsip bahawa tindakan itu juga merupakan nilai luhur yang harus dipertahankan. Akhirnya tamadun Yunani kehilangan seorang tokoh pemikir yang diistilahkan oleh anak murid beliau Plato (428-348 S.M.) sebagai manusia yang paling baik, bijaksana dan adil.<sup>1</sup>

Kisah akhir hidup Socrates di atas antara lain mengungkap satu contoh pertentangan nilai yang sering berlaku dalam kehidupan manusia. Di zaman yang didakwa sebagai era kehidupan manusia di tahap paling maju dan bertamadun inipun konflik nilai seakan tidak menemui titik noktahnya apabila perlakuan buruk seperti peperangan, penindasan, kezaliman, pembersihan etnik, kesemuanya dilakukan di atas nama yang baik iaitu keadilan dan keamanan. Tepat sekali pemerhatian Shakespeare apabila beliau berkata:

<sup>1</sup> Samuel Enoch Stumph (1993), *Socrates to Satre: A History of Philosophy*, ed. 5, New York: McGraw Hill, h. 45. Di samping tuduhan meracuni pemikiran anak muda Athens, Socrates juga dihukum atas kesalahan menyembah Tuhan selain dari Tuhan yang disembah oleh pemerintah Athens. Tuduhan-tuduhan ini tidak berasas dan dilakukan oleh golongan pemerintah yang tidak senang, antara lain dengan ketegasan beliau mengutarakan dengan berwibawa faham-faham penting yang juga menyanggah kepentingan pemerintah seperti kebenaran, keadilan dan ilmu yang benar, Julian Marias (1967), *History of Philosophy*, terjemahan dari bahasa Sepanyol oleh Stanley Applebaum, Clarence C. Strowbridge, New York: Dover Publication, Inc., h. 38-9.

'...evil deeds have their permissive pass'<sup>2</sup>

Pertentangan nilai ini juga membawa kita kepada beberapa persoalan asas mengenai nilai baik dan buruk yang sering menjadi perdebatan di kalangan ahli falsafah moral seawal zaman Yunani lagi. Antara persoalan-persoalan tersebut ialah persoalan adakah wujud apa yang dinamakan nilai-nilai baik dan buruk yang mutlak, objektif dan tidak berubah di setiap tempat dan masa serta boleh diterima oleh semua manusia? Atau adakah nilai-nilai bersifat nisbi iaitu berubah-ubah berdasarkan pemikiran dan perasaan manusia serta perubahan tempat dan masa? Sekiranya ada nilai-nilai yang objektif, apakah asas yang kita gunakan untuk menetapkan nilai-nilai tersebut? Apa pula perbezaannya dengan nilai-nilai akhlak yang dianjurkan oleh agama? Siapakah yang berhak untuk menentukan nilai baik dan buruk sesuatu perkara? Bolehkah akal manusia mengetahui hakikat nilai secara objektif tanpa bantuan agama?

Sebahagian dari persoalan di atas akan disentuh dalam makalah ini, manakala sebahagian yang lain mungkin boleh dijadikan sebagai pencetus kepada perbahasan dan pencarian ilmiah seterusnya terutama bagi mereka yang berminat dengan isu-isu nilai dan moral. Secara lebih khusus, makalah ini akan menelusuri dengan ringkas sejarah penisbian nilai, meneliti asas-asas ilmiah yang mendasari aliran ini serta kaitannya dengan proses sekularisasi. Akhirnya ia akan menganalisa kepentingan peranan agama bagi menghadapi aliran penisbian nilai.

### Sejarah Ringkas Penisbian Nilai

Kisah Socrates di awal makalah ini membuktikan bahawa faham penisbian nilai sebagai satu aliran pemikiran sudah bermula seawal zaman Yunani lagi. Sekitar abad kelima sebelum Masihi, golongan Sofis (*Sophists*) yang ditentang

<sup>2</sup> Dipetik dari Otto Bird (1981), 'Ethics in a Permissive Society: The Controversy Regarding the Objectivity of Moral Values', dalam *The Great Ideas Today 1981*, ed. in chief Mortimer J. Adler, Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc., h. 161.

oleh ahli falsafah murni seperti Socrates (470-399 S.M.) dan Plato (428-348 S.M.) telah berjaya mempengaruhi masyarakat kota Athens dengan menyebarkan fahaman bahawa tidak ada suatu perkara pun di dunia ini yang bersifat tetap dan mutlak.<sup>3</sup> Bermula dengan pandangan Protagoras (490-421 S.M.) yang mendakwa bahawa manusia adalah neraca kepada segala perkara (*man is the measure of all things*) dan pandangan bahawa sifat, tanggapan dan keadaan sekeliling manusia sentiasa berubah, golongan Sofis menyimpulkan bahawa ilmu serta nilai yang dipegang oleh manusia juga berubah bergantung kepada perbezaan setiap individu. Pandangan ini juga menemukan asasnya lebih awal daripada pandangan Heraclitus (sekitar 504 S.M.) yang mengungkapkan bahawa tidak ada perkara yang tetap, yang ada hanyalah perubahan, bahawa manusia tidak boleh memijak dua kali dalam sungai yang sama (*it is impossible to step twice into the same stream*).<sup>4</sup> Falsafah 'perubahan' ini membuka ruang untuk ahli falsafah lain daripada golongan ini untuk mengaitkan kebaikan dan kebenaran secara subjektif kepada pelbagai aspek kehidupan seperti yang dilakukan oleh Thrasymachus (awal 500 S.M.) yang berpandangan bahawa kebenaran harus dikaitkan dengan kekuasaan (*might is right*). Sementara Epicurus (341-270 S.M.), yang datang

<sup>3</sup> Terkenal dengan sifat mereka yang pandai menggunakan retorik, golongan Sofis yang juga digelar 'Guru Jalan' (*traveling teachers*) ini mengambil upah mengajar anak-anak muda Athens tentang pelbagai perkara terutama mengenai falsafah. Walaupun terkenal dengan keluasan pengetahuan mereka dan kemampuan bercakap apa yang dibahaskan oleh ahli-ahli falsafah sehingga mendapat gelaran sedemikian, namun disebabkan sikap ragu mereka terhadap hakikat ilmu dan kebenaran, mereka lebih banyak mengelirukan khalayak daripada memberikan keyakinan. Antara individu-individu golongan ini yang terkenal ialah Protagoras, Georgias dan Thrasymachus. Untuk mendapatkan pengenalan serta latarbelakang sejarah golongan Sofis serta falsafah awal Yunani sila rujuk Frederick Coplestone (1993), *A History of Philosophy*, vol. 1. New York: Image Books, h. 81-95; Samuel Enoch Stumph, *Socrates to Satre*, h. 29-34; Julian Marias, *History*, h. 35-41.

<sup>4</sup> Robert E. Lerner (1988), *Western Civilizations*, ed. 11, vol. 1, New York: W.W. Norton & Company, Inc., h. 120; Stumpf, *Socrates to Satre*, h. 13.

kemudiannya bertindak lebih jauh apabila beliau menyamakan keseronokan (*pleasure*) dengan kebaikan sebenar. Malah keseronokan, menurut Epicurus, merupakan matlamat utama kehidupan manusia: "*Pleasure is the the sole ultimate good and pain the sole evil*".<sup>5</sup>

Walaupun pandangan-pandangan golongan Sofis telah dijawab dengan hujah-hujah yang mantap oleh ahli-ahli falsafah murni seperti Socrates dan Plato, pengaruhnya masih kuat terutama menjelang kedatangan zaman moden. Malah, zaman pertengahan yang diwarnai oleh prinsip-prinsip teologi dan moral Kristian yang dibentuk berdasarkan pentafsiran ahli-ahli teologi mereka terhadap teks Bible pun nampaknya gagal untuk menghalang aliran penisbian nilai ini untuk terus berkembang. Seperti api dalam sekam, pandangan-pandangan mereka dinyalakan kembali oleh ahli-ahli falsafah moden yang menyusul kemudiannya. Nilai-nilai keagamaan Kristian ternyata tidak mampu bertahan apabila digerudi oleh keraguan falsafah yang dibawa oleh ahli-ahli falsafah moden seperti Thomas Hobbes (1588-1679), John Locke (1632-1704), David Hume (1711-1776), Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873). Karya-karya mereka ini bukan sekadar mendendangkan kembali alunan falsafah 'perubahan' Heraclitus dan faham 'hedonisme' Epicurus, malah memperhalusi dan memperkukuhkan lagi asas-asas hujahannya. Hobbes, yang mengasaskan teori etikanya kepada konsep jiwa manusia yang bersifat kebendaan, menegaskan bahawa kehendak manusia secara semulajadi akhirnya bermatlamat sama ada untuk memelihara kehidupannya atau mengangkat tahap keseronokannya.<sup>6</sup> Kedua-dua matlamat inilah, menurut beliau, yang harus menentukan nilai moral manusia. Sambil bersetuju dengan pandangan Hobbes, John

<sup>5</sup> Dipetik dalam Henry Sidgwick (1988), *Outlines of the History of Ethics*, Indianapolis: Hackett Publishing Company, h. 85.

<sup>6</sup> Sidgwick, *Outlines*, h. 164-6. Lihat lebih lanjut keseluruhan teori moral Hobbes dalam David Boonin-Vail (1994), *Thomas Hobbes and the Science of Moral Virtue*, Cambridge: Cambridge University Press; Tom Sorell (1986), *Hobbes*, London: Routledge & Kegan Paul, h. 90-108.

Locke kemudiannya menegaskan bahawa hakikat baik dan buruk tidak lain hanyalah berkaitan keseronokan dan kesakitan atau perkara-perkara yang membawa kepada kedua-dua perasaan tersebut (*good and evil are nothing but pleasure and pain or that which occasions pleasure and pain to us*).<sup>7</sup>

Pandangan mereka kemudiannya disusuli oleh aliran pemikiran moral berdasarkan faham kebergunaan (*utilitarianism*) yang dimulakan asasnya oleh David Hume dan disempurnakan kemudiannya oleh Jeremy Bentham dan John Stuart Mill. Aliran pemikiran ini berpendirian bahawa kesemua nilai-nilai moral pada akhirnya adalah bersumberkan nilai kebergunaan dan kemudahan awam. Hume, yang bermula dengan menafikan adanya kaitan akliah (*logical connection*) antara apa yang dilakukan (*what is done*) oleh manusia dengan apa yang harus dilakukan (*ought to be done*) oleh manusia, meragui kebenaran pernyataan yang bersifat moral (*prescriptive statements*).<sup>8</sup> Bagi beliau, prinsip-prinsip moral tidak ada asas rasional, sebaliknya ia diasaskan di atas dasar perasaan, sentimen dan simpati. Oleh yang demikian, bagi beliau, satu-satunya sumber dan asas kepada nilai moral adalah yang berasaskan asas pragmatik dan kebergunaan:

Reflections on public interest and utility are the sole source of the moral approbation paid to fidelity, justice, veracity, integrity...<sup>9</sup>

Sementara itu, Jeremy Bentham dan kemudiannya John Stuart Mill yang digelar 'Bapa Utilitarianisme Modern' memantapkan lagi teori kebergunaan ini dengan mengaitkannya dengan matlamat moral yang tertinggi iaitu kebahagiaan. Kepenggunaan ditakrifkan sebagai 'prinsip

<sup>7</sup> Samuel Alexander (1993), *Locke*, New York: Dodge Publishing Company, h. 96; Sidgwick, *Outlines*, h. 176.

<sup>8</sup> Sila lihat Mortimer J. Adler (1985), *Ten Philosophical Mistakes*, New York: Collier Books, h. 117-18; Stumpf, *Socrates to Sartre*, h. 289. Lebih khusus mengenai pandangan moral Hume sila rujuk J.L. Mackie (1998), *Hume's Moral Theory*, London: Routledge, h. 51-63.

<sup>9</sup> Dipetik dari Sidgwick, *Outlines*, h. 208.

yang mengesahkan atau membatalkan sesuatu perbuatan, berdasarkan kepada kecenderungan yang kelihatan meningkatkan atau mengurangkan kebahagiaan' (*that principle which approves or disapproves of every action whatsoever, according to the tendency which appears to have to augment or diminish happiness*).<sup>10</sup> Bagaimanapun, kebahagiaan yang dimaksudkan oleh Bentham dan Mill masih lagi mempunyai kaitan yang kuat dengan aliran hedonisme Epicurus apabila tujuan akhirnya masih lagi untuk meningkatkan tahap keseronokan dalam diri manusia.

Demikianlah secara ringkas dapat kita melihat sejarah pemikiran moral di kalangan sebahagian pemikir Yunani dan Barat yang telah meletakkan nilai-nilai moral sebagai satu hakikat yang bersifat nisbi apabila teori-teori moral yang diolah berubah-ubah mengikut halatuju subjektif masing-masing. Walaupun terdapat perbezaan di kalangan mereka di peringkat perincian teori, namun premis utama yang dipegang tetap adalah prinsip perubahan (*change*) dan penisbian (*relativism*) yang menegaskan bahawa tidak ada satu nilai yang bersifat tetap dan setiap nilai harus disesuaikan mengikut keperluan individu dan masyarakat yang berubah-ubah.<sup>11</sup> Prinsip-prinsip moral, menurut mereka, tidak wujud di luar secara objektif, akan tetapi bersifat subjektif berdasarkan tanggapan dan keperluan seseorang individu. Nilai-nilai baik dan buruk, dengan kata lain, seharusnya dicipta bukan dicari seperti yang tergambar daripada tajuk buku, *Ethics: Inventing Right and Wrong* oleh seorang professor di Oxford, J.L. Mackie.<sup>12</sup>

<sup>10</sup> Stumpf, *Socrates to Sartre*, p 366-379; John Skorupski (1986), *John Stuart Mill*, London: Routledge, h. 283-334.

<sup>11</sup> Faktor perubahan masyarakat ini telah menjadi penyebab utama kepada perubahan nilai moral sebagaimana yang disimpulkan oleh Alasdair MacIntyre, "*social changes had not only made certain types of conduct, once socially accepted, problematic, but had also rendered problematic the concepts which had defined the moral framework of an earlier world*," Alasdair MacIntyre (1966), *A Short History of Ethics*, New York: The Macmillan Company, h. 5.

<sup>12</sup> J. L. Mackie (1977), *Ethics: Inventing Right and Wrong*, New York: Penguin Books, dipetik dalam Otto Bird, *Ethics*, h. 161.

Malah, tulisan Prof. Mackie di atas mungkin dapat kita jadikan kesimpulan terhadap asas-asas utama aliran penisbian nilai. Pandangan beliau telah diketengahkan oleh Otto Bird, editor kepada *The Great Ideas Today*, dalam sebuah artikel mengenai objektiviti moral, sebagai pandangan yang mewakili kelompok yang menyokong penisbian nilai-nilai moral (*moral relativism*).<sup>13</sup> Antara hujah-hujah yang diutarakan oleh Mackie adalah pandangan berdasarkan hakikat perbezaan nilai-nilai yang dipegang oleh manusia. Oleh kerana terdapat pelbagai bentuk pentafsiran etika dan moral, yang berbeza mengikut tempat dan masa, Mackie mempersoalkan bagaimana kita boleh mendakwa adanya nilai-nilai yang objektif dan tetap? Hujah kedua pula adalah lebih rumit. Ia mempersoalkan bagaimana kita boleh mengaitkan sesuatu perbuatan secara mutlak dengan nilainya yang baik atau buruk. Dengan kata lain, bagaimana penilaian kita boleh berpindah daripada sesuatu yang berlaku kepada sesuatu yang harus dilakukan, daripada penerangan tentang hakikat yang berlaku (*descriptive statements*) kepada pernyataan yang menyaran sesuatu untuk dilakukan (*prescriptive statements*). Sementara hujah ketiga mendakwa bahawa manusia sebenarnya terkeliru apabila meletakkan sesuatu nilai terhadap sesuatu perkara berdasarkan tanggapan keperluan dan tindak balas mereka terhadap perkara tersebut yang tidak semestinya tepat. Kita menilai sesuatu itu buruk misalnya hanya kerana kita tidak menyukainya dan bukannya kerana ia sememangnya buruk.<sup>14</sup> Kesimpulannya, adalah lebih mudah untuk menerima perbezaan nilai yang terserlah dalam realiti kehidupan daripada menentukan sesuatu nilai yang bersifat objektif pada sesuatu perkara atau perlakuan.

### Penisbian Nilai dan Sekularisasi

Kaitan rapat antara nilai dan agama sememangnya satu perkara yang tidak dapat dinafikan. Ajaran agama sarat

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 163-5.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 164-6.

dengan nilai-nilai kebaikan yang harus diikuti dan nilai-nilai keburukan yang perlu dijauhi. Oleh yang demikian, penolakan terhadap agama bermakna penafian terhadap nilai-nilai etika yang datang bersamanya. Inilah yang berlaku terhadap tamadun Barat apabila arus sekularisasi yang melanda agama mereka telah, pada masa yang sama, meruntuhkan nilai-nilai moral yang datang bersamanya. Arus ini sampai ke kemuncaknya pada penghujung abad ke-19 apabila seorang ahli falsafah Jerman Friedrich Nietzsche, yang berasa kecewa dengan peranan agama Kristian dalam menangani kemelut moral yang melanda dunia, telah mengisytiharkan bahwa 'Tuhan telah mati' (*God is dead*).<sup>15</sup> Seruan kematian Tuhan oleh Nietzsche benar-benar mencerminkan kehampaan nilai (*nihilism*) dan kehilangan kepercayaan beliau khususnya dan masyarakat Barat secara amnya bukan sahaja terhadap nilai yang mutlak bahkan terhadap kewibawaan agama itu sendiri.

Kesan pandangan Nietzsche ini seperti yang dijelaskan oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam karyanya *Islam and Secularism*, amat parah apabila ia membuka pintu yang lebih luas kepada serangan sekularisasi terhadap agama Kristian di Barat.<sup>16</sup> Dalam agama Kristian sendiri, berlaku perubahan terhadap beberapa doktrin asas keagamaan semata-mata untuk menyesuaikan diri dengan arus sekularisasi yang dibawa oleh ahli-ahli falsafah sekular. Dalam perbincangan ahli-ahli teologi mereka kemudiannya seperti Harvey Cox, Karl Barth, Dietrich Bonhoeffer, Paul Tillich, Friedrich Gogarten, Rudolph Bultmann, Arend van

<sup>15</sup> Pengisytiharan ini diungkap oleh Nietzsche dalam karya puitisnya, *Thus Spake Zarathustra* (1883) yang merakamkan perkataan tersebut melalui kata-kata Zarathustra, seorang yang turun dari pertapaan dari gunung dan mendakwahkan doktrin ketiadaan Tuhan. Kematian Tuhan juga, menurut Nietzsche, bermaksud bermulanya era manusia menolak etika keagamaan dan menjunjung falsafah kemanusiaan menerusi konsep manusia luarbiasa (*superman*). Stumpf, *Socrates to Sartre*, h. 422. Lihat lebih lanjut, Will Durant (1953), *The Story of Philosophy*, New York: Washington Square Press, h. 413-428.

<sup>16</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 2.

Leeuwen, Paul van Buren dan Leslie Dewart tercermin satu sikap keterbukaan terhadap sekularisasi bagi memastikan agama Kristian akan dapat terus bertahan dari serangan falsafah sekular. Pandangan-pandangan mereka secara umumnya menyeru ke arah perubahan radikal dalam pentafsiran Bible dan juga terhadap peranan gereja dalam menyesuaikan diri dengan keadaan semasa demi membolehkannya berhadapan dengan pandangan hidup sekular.<sup>17</sup>

Sementara itu, dalam perbahasan mengenai etika, pandangan-pandangan ahli teologi Kristian ini juga membuka ruang kepada lebih banyak karya yang memisahkan nilai-nilai moral daripada agama untuk terus berkembang. Tulisan terbaru seorang bishop di Edinburgh, Richard Holloway bertajuk *Godless Morality* yang berusaha untuk membuktikan bahawa seseorang manusia tidak memerlukan agama dan Tuhan untuk beretika hanyalah salah satu lagi contoh fenomena pasrah agamawan Kristian terhadap usaha penisbian nilai.<sup>18</sup>

Penisbian nilai seperti yang diakui sendiri oleh salah seorang ahli teologi Kristian, Harvey Cox dalam karyanya *The Secular City*, sememangnya merupakan salah satu unsur penting sekularisasi. Sekularisasi yang berperanan untuk menghilangkan nilai-nilai kerohanian dan keagamaan daripada kehidupan manusia, menurut beliau, datang dalam tiga bentuk utama; membebaskan alam dari unsur-unsur rohaniah dan khayalan, membuang nilai-nilai kudus dari alam pemerintahan dan menjadikan semua sistem nilai bersifat nisbi dan bebas dari unsur kekudusan.<sup>19</sup> Cox malah pergi lebih jauh dengan mengatakan bahawa ketiga-tiga unsur ini sebenarnya mempunyai asas-asasnya dalam Bible.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 3.

<sup>18</sup> Richard Holloway (1999), *Godless Morality: Keeping Religion out of Ethics*, Edinburgh: Canongate. Buku ini dipuji banyak pihak sebagai usaha seorang Bishop memberi pandangan berani dan meyakinkan mengenai agama dan moral.

<sup>19</sup> Harvey Cox (1966), *The Secular City*, New York: The Macmillan Company, h. 17; Al-Attas, *Islam and Secularism*, h. 18.

Justeru, beliau menyarankan bahawa agama Kristian harus membuka pintu yang lebih luas kepada arus sekularisasi. Mengenai unsur ketiga, Cox berhujah bahawa disebabkan seorang manusia melihat dunia dari sudut pandangan sosial dan sejarah yang tertentu, maka pandangannya juga akan bersifat nisbi. Kesemua ini bukan sahaja akan mempengaruhi bahasa, adat dan cara berpakaianya, akan tetapi juga ilmu, nilai dan tanggapannya terhadap hakikat sesuatu. Cox berpendapat bahawa setiap perkara itu tertakluk kepada bagaimana kita melihatnya: "*Everything depends on how you look at it*".<sup>20</sup> Prof. al-Attas, dalam menjelaskan pandangan mengenai sekularisasi sistem nilai oleh agamawan Kristian ini, menekankan bahawa akibat penisbian nilai di atas, manusia sekular di Barat lebih menyedari tentang betapa nisbinya pandangan serta kepercayaan mereka sendiri. Hal sebegini menyebabkan mereka hidup dengan andaian bahawa semua undang-undang serta nilai-nilai etika pegangan yang menjadi panduan hidup mereka akan sentiasa berubah mengikut perubahan masa dan generasi.<sup>21</sup>

### Kesan Penisbian Nilai terhadap Masyarakat Barat

Proses penisbian nilai ini telah meninggalkan kesan yang cukup besar ke atas masyarakat Barat. Di bidang pemikiran, persoalan penentuan terhadap nilai baik dan buruk telah ditundukkan sepenuhnya kepada keupayaan akal manusia apabila berlaku perpindahan perbahasan mengenainya dari lapangan agama ke bidang falsafah. Ini jelas apabila *ethics* yang merupakan salah satu cabang bidang falsafah telah dinobatkan untuk membahas teori-teori berkaitan moral, sementara *theology* tinggal hanya sebagai suatu disiplin terasing yang hanya mengkaji hal kebaikan yang mutlak (*the absolute good*).<sup>22</sup> Perbezaan ini ternyata telah menyebabkan perbahasan nilai baik dan buruk sekadar menjadi latihan mental (*mental acrobatics*) di kalangan ahli-ahli falsafah moral

<sup>20</sup> Cox, *The Secular City*, h. 30-1.

<sup>21</sup> Al-Attas, *Islam and Secularism*, h. 18-19.

<sup>22</sup> Sidgwick, *Outlines*, h. 2.

justeru, menyudutkan nilai-nilai kebaikan mutlak yang dijunjung oleh agama dari memainkan peranan yang lebih besar dalam membentuk cara berfikir dan perlakuan masyarakat Barat. Sebaliknya, oleh kerana pengaruh nilai-nilai pragmatik dan kepenggunaan lebih dominan di peringkat pemerintah dan pentadbiran negara, dan pada masa yang sama pengaruh nilai hedonisme pula popular di kalangan generasi muda, maka nilai-nilai inilah yang lebih banyak memberi kesan kepada para pemikir moral dalam membentuk teori-teori moral mereka.

Sementara di bidang kemasyarakatan, berlaku jurang generasi yang begitu besar antara golongan tua yang sebahagiannya masih berpegang dengan nilai-nilai etika keagamaan dan generasi muda yang sudah melepaskan diri daripada kongkongan nilai dan agama. Disebabkan penolakan generasi muda terhadap etika yang dipegang golongan tua, mereka kehilangan contoh ikutan terutama dari segi etika lantas terjebak dalam budaya lepas bebas tanpa pegangan hidup. Institusi-institusi sosial yang berpengaruh seperti industri hiburan, perfileman, pelancongan, sukan dan rekreasi, disebabkan mementingkan nilai pasaran keluaran mereka, jelas memihak kepada generasi muda dalam mempromosikan nilai-nilai kehidupan dalam urusan mereka. Gaya hidup yang ditonjolkan ialah budaya yang hampa nilai (*nihilism*) dan keseronokan (*hedonism*) seperti yang tergambar dalam cogan kata: "*pushing the limit, the new generation, just do it, born to be free*". Ini mempercepatkan lagi proses keruntuhan nilai-nilai keagamaan di kalangan masyarakat Barat.

Kesan yang paling parah ialah penolakan masyarakat Barat terhadap kewibawaan agama mereka sendiri. *Secular Humanist Bulletin*, salah satu buletin *online* yang mempromosi nilai sekular yang anti-agama memberikan statistik terbaru bahawa 24 juta penduduk Amerika Syarikat sudah menolak agama dan berpegang dengan aliran sekular humanism.<sup>23</sup> Sementara satu website lagi menyenaraikan

<sup>23</sup> *Secular Humanist Bulletin*, vol. 16, no. 1, dalam: [http://www.secularhumanism.org/library/shb/flynn\\_16\\_1.htm](http://www.secularhumanism.org/library/shb/flynn_16_1.htm).

individu-individu terkenal di kalangan penyanyi, pelakon, pengarah filem, penulis, ahli politik yang tidak percaya kepada Tuhan dan agama atau sekurang-kurangnya bersikap ragu-ragu terhadap kebenaran agama.<sup>24</sup> Petikan kata-kata mereka yang meragui agama dan Tuhan juga disertakan sekali bagi menggambarkan betapa besarnya pengaruh ateisme dalam negara yang paling berpengaruh di dunia itu.

Malah para agamawan Barat sendiri nampaknya masih tercari-cari keluhuran nilai abadi dari agama mereka setelah mereka sendiri teruk diserang oleh golongan sekular yang menguasai hampir kesemua bidang ilmu di Barat. Keadaan ini digambarkan oleh Prof. Wan Mohd Nor Wan Daud seperti berikut:

“... ramai manusia termasuklah para agamawan yang terkemuka - sedang terumbang-ambing dalam gelombang syak dan keraguan tentang nasib terakhir mereka setelah mati, tentang hakikat ketuhanan, hari akhirat, serta syurga dan neraka. Silang sengketa, peperangan dan akibat-akibatnya yang menyengsarakan, sifat kehidupan insan yang sentiasa teruji dan sikap sebilangan ahli agama yang taksub dan tidak tekal khasnya di sepanjang sejarah Barat sendiri telah menyebabkan banyak manusia Barat yang prihatin berasa putus asa tentang penyelesaian yang bersifat kerohanian terhadap permasalahan insan. Malahan mereka berputus asa akan kewujudan Tuhan dan hakikat-hakikat ghaib yang lain. Sebilangan yang lain pula mendakwa bahawa walaupun Tuhan dan hakikat-hakikat itu mungkin diperolehi, ia tidak boleh disampaikan kepada orang lain. Memanglah keraguan tentang hal-ehwal kerohanian terdapat sepanjang sejarah dan

<sup>24</sup> [http://www.celebatheists.com/entries/atheist\\_13.htm](http://www.celebatheists.com/entries/atheist_13.htm). Antara nama-nama yang dipaparkan ialah Jodie Foster, Ernest Hemingway, Gene Rodenberry (pencipta filem Star Trek), George Bernard Shaw, John Lennon, Alfred Hitchcock, Charles Spencer, “Charlie” Chaplin, Abraham Lincoln, George Eliot dan Isaac Asimov.

seluruh tamadun manusia, tetapi ia tidak pernah dimajukan sehingga ke darjat faham falsafah yang mempunyai pengaruh yang sedemikian luas seperti ideologi faham kemanusiaan sekular di Barat."<sup>25</sup>

### Kritikan Terhadap Penisbian Nilai

Walaupun melalui sorotan di atas tampak seolah-olah aliran penisbian nilai ini amat berpengaruh, namun ini tidak bermakna aliran ini mempunyai hujah yang kuat atau mempunyai legitimasi untuk dijadikan panduan hidup umat manusia. Dari segi falsafah sendiri, aliran ini telah begitu kuat dikritik oleh aliran yang berpandangan wujudnya nilai-nilai yang bersifat objektif dan tetap.

Dalam sejarah, sejak awal lagi, pandangan-pandangan golongan Sofis mengenai penisbian nilai telah dijawab dengan hujah-hujah yang kukuh terutama oleh Socrates dan Plato yang mempertahankan adanya nilai kebaikan yang mutlak dan objektif. Socrates, misalnya, melalui kaedah dialektik<sup>26</sup> yang memperhalusi hujah-hujah pihak lawan dengan soalan-soalan balas dalam membahaskan sesuatu perkara, telah berjaya memaksa golongan Sofis untuk menerima takrifan yang tepat dan tidak berubah mengenai sesuatu faham yang sering menjadi mainan kata mereka seperti kebaikan, keadilan, keberanian, kecantikan,

<sup>25</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (1994), 'Perjuangan Para Agamawan Menuju Abad ke-21: Ke Arah Keamanan dan Kesejahteraan Asia dan Dunia', dalam *Dewan Budaya*, ruangan 'Budaya Ilmu', Disember, 1994, h. 40.

<sup>26</sup> *Dialectics* merupakan satu teknik soal-jawab secara berdisiplin (*disciplined conversation*) yang digunakan oleh Socrates untuk berdialog antara lain dengan golongan Sofis. Bermula dengan membahaskan konsep-konsep yang diterima umum, setiap pihak dalam dialog tersebut akan berusaha untuk memperhalusi pandangan-pandangan mereka mengenai konsep-konsep yang lebih abstrak sehingga mereka sampai kepada makna-maknanya yang tepat. Istilah ini telah diperbaharui maknanya apabila ia dibahaskan oleh ahli-ahli falsafah selepas Socrates seperti Plato, Aristotle, Kant, Hegel dan Karl Marx. Lihat Antony Flew (1979), *A Dictionary of Philosophy*, London: Pan Books, h. 94; Stumpf, *Socrates to Satre*, h. 38.

keutamaan dan keseronokan. Di samping mempertikaikan tujuan mereka menggunakan faham-faham ini tanpa makna yang jelas sehingga mengelirukan orang ramai, Socrates mendakwa bahawa golongan penisbi nilai ini juga tidak tekal (*consistent*) dalam pendirian mereka mengenai faham-faham ini. Mereka lebih cenderung untuk mengambil contoh-contoh yang terpencil dan berbeza untuk dijadikan kesimpulan umum, tanpa berusaha mencari makna yang menyeluruh dan sejagat (*universal definitions*) bagi sesuatu faham tersebut. Justeru, Socrates bertegas supaya setiap perkataan yang digunakan hendaklah ditakrifkan dengan betul dan setiap kes yang dijadikan contoh harus dianalisa sebelum sampai kepada satu kesimpulan umum.<sup>27</sup> Melalui dialog ini juga, Socrates ingin menekankan mengenai kewujudan apa yang diistilahkan sebagai 'kebaikan mutlak' (*the ultimate good*) yang harus dicapai oleh semua manusia. Kesemua sifat-sifat kemuliaan (*virtues*) yang lain seperti keadilan dan keberanian terkandung dalam faham kebaikan ini. Kejahilan terhadap ilmu tentang kebaikan inilah, menurut Socrates, yang menjadi penyebab kepada keburukan moral manusia.<sup>28</sup>

Kritikan Socrates terhadap golongan Sofis ini diperkukuhkan lagi oleh anak murid beliau, Plato. Terkenal dengan doktrin *form* dan *ideas*, Plato menegaskan bahawa di peringkat yang lebih tinggi, ilmu dan nilai hakiki yang bersifat mutlak, tidak berubah dan kekal sebenarnya wujud dalam bentuk 'idea' atau 'form'. Apa yang ditanggap melalui pancaindera oleh manusia di atas dunia ini hanyalah bayangan kepada ilmu hakiki yang lebih tinggi tersebut.

<sup>27</sup> Sidgwick, *Outlines*, h. 23. Dialog beliau yang disusun oleh anak muridnya Plato (428-348 S.M.) dan Xenophon (430-355 S.M.), mengenai faham-faham penting di atas telah berjaya meruntuhkan retorik golongan sofis yang mendakwa bahawa konsep-konsep ini hanyalah bersifat nisbi dan tidak dapat dicapai secara mutlak. Lihat lebih lanjut Alasdair MacIntyre (1966), *A Short History of Ethics: A History of Moral Philosophy from the Homeric Age to the Twentieth Century*, New York: The Macmillan Company, h. 14-25; Stumpf, *Socrates to Sartre*, h. 37-41; Marias, *History*, h. 38-41; Coplestone, *A History of Philosophy*, h. 96-113.

<sup>28</sup> Sidgwick, *Outlines*, h. 23-29.

Golongan Sofis, ujar Plato, yang ragu-ragu terhadap kemutlakan ilmu dan nilai, sebenarnya terkeliru dengan sifat perubahan yang ada pada bayang-bayang rendah dari aspek yang lebih hakiki.<sup>29</sup> Justeru, seperti Socrates, Plato juga menekankan aspek yang lebih kekal dalam mengenalpasti sesuatu nilai. Nilai-nilai yang tidak tetap seperti keseronokan, menurut Plato, bukanlah kebaikan yang mutlak lantas tidak wajar dijadikan asas kepada moral.<sup>30</sup>

Mortimer J. Adler, editor siri buku terkenal *Great Books of the Western World*, yang banyak memanfaatkan pemikiran awal seperti Aristotle telah membawa satu kritikan yang kuat terhadap golongan penisbi nilai terutama golongan hedonis di samping meletakkan asas yang lebih kukuh terhadap penetapan nilai-nilai yang baik untuk manusia. Bagi beliau, pandangan aliran penisbian nilai yang menyamakan kebaikan dengan keseronokan atau kehendak manusia merupakan salah satu dari kesilapan falsafah (*philosophical mistakes*) yang besar. Ini kerana keseronokan dan kehendak manusia juga berbeza antara satu dengan yang lain. Malah dengan menyamakan keseronokan dengan kebaikan, mereka juga menafikan kebaikan yang bukan dalam bentuk keseronokan seperti ilmu, kekayaan, persahabatan yang juga disabitkan sebagai baik oleh golongan ini.<sup>31</sup> Golongan Hedonis, menurut Adler, tidak dapat melihat perbezaan antara keseronokan jasadi (*sensual pleasure*) dengan kepuasan yang didapati apabila kehendak manusia dipenuhi. Ini kerana aspek kedua ternyata lebih menyeluruh dan perlu ditekankan apabila seseorang itu memperkatakan tentang moral.

Berasaskan kritikan di atas, Adler menyatakan bahawa pernyataan yang bersifat penerangan (*descriptive statements*) sebenarnya boleh digabungkan dengan pernyataan yang bersifat saranan (*prescriptive statements*) dengan cara kita

<sup>29</sup> Lihat lebih lanjut Stumpf, *Socrates to Sartre*, h. 51-62. Coplestone, *A History of Philosophy*, h. 143-162.

<sup>30</sup> Sidgwick, *Outlines*, h. 49.

<sup>31</sup> Mortimer J. Adler (1985), *Ten Philosophical Mistakes*, New York: Collier Books, h. 112. Lihat juga Otto Bird, *Ethics*, h. 167-170.

menggunakan premis-premis saranan yang jelas dan pasti kebenarannya (*self-evident premises*).<sup>32</sup> Dengan ini, beliau membayangkan bahawa ada satu lagi jenis kebenaran selain daripada kebenaran yang berdasarkan apa yang berlaku (*realities*) seperti yang didakwa oleh aliran penisbi nilai, iaitu kebenaran yang bersifat saranan (*prescriptive truth*). Kebenaran bentuk ini, menurut Adler, ialah kebenaran yang selari dengan kehendak manusia yang betul (*right desire*). Dengan kata lain, satu-satu pernyataan yang berupa saranan kepada sesuatu perkara atau perbuatan (seperti pernyataan-pernyataan moral) yang menuju kepada memenuhi keperluan dan kehendak manusia yang betul mesti diterima sebagai pernyataan yang benar. Akan tetapi Adler membezakan antara kehendak tabi'i (*natural desire*) yang dinamakan keperluan (*needs*) dan sememangnya diperlukan secara asasi oleh manusia dengan kehendak yang dicipta (*acquired desire*) yang diistilahkan sebagai naluri (*wants*) yang tidak semestinya diperlukan oleh manusia. Bagi beliau pernyataan moral hanya relevan untuk aspek yang pertama.<sup>33</sup>

Kritikan-kritikan terhadap aliran penisbian nilai di atas sekurang-kurangnya dapat menjelaskan kelemahan aliran pemikiran ini. Kita juga boleh bersetuju dengan Otto Bird yang, setelah meneliti hujah-hujah dari kedua-dua golongan pendokong objektiviti dan relativiti nilai, berkesimpulan bahawa pandangan yang menekankan objektiviti nilai ternyata lebih berasas berbanding dengan aliran penisbi nilai.<sup>34</sup> Bird berpijak di atas dua kenyataan; pertama, berdasarkan fitrah manusia, sememangnya kita boleh mengenal pasti kebaikan yang dianggap baik secara umum untuk memenuhi keperluan kesemua manusia; kedua, kebaikan manusia dan bukannya keperluan sesebuah masyarakat yang berkuasa untuk menentukan tahap moral. Ini kerana, di peringkat yang paling asas, sesuatu masyarakat boleh dinilai baik atau buruk berdasarkan sejauh mana

<sup>32</sup> Adler, *Ten Philosophical Mistakes*, h. 121.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 123-7.

<sup>34</sup> Otto Bird, *Ethics*, h. 189.

ia mencapai kebaikan di tahap individu dan keseluruhan masyarakat.<sup>35</sup>

### Pendirian Seorang Muslim terhadap Penisbian Nilai

Pandangan Socrates, Plato dan Adler di atas, mungkin dapat mengukuhkan lagi pegangan golongan yang berpandangan bahawa nilai-nilai moral bersifat objektif dan tetap. Dari segi itu, ia juga dapat mengukuhkan kedudukan nilai-nilai keagamaan yang juga bersifat tetap dan tidak berubah. Namun persoalannya, adakah semua nilai-nilai yang dibawa oleh agama dapat dipertahankan dengan hujah-hujah objektiviti nilai di atas? Bagaimana seharusnya seorang Muslim menentukan sikap dan pendiriannya apabila berhadapan dengan gejala penisbian nilai?

Berdasarkan apa yang berlaku di Barat seperti yang telah disorot lebih awal tadi, ditambah dengan hakikat bahawa masyarakat Islam zaman ini juga sedang terumbang-ambing dipukul badai pembaratan dan sekularisasi yang kuat, maka masyarakat Islam juga akan dipaksa untuk pasrah, sebagaimana yang berlaku pada penganut agama Kristian, kepada serangan arus penisbian nilai ini. Agama Islam juga sebagaimana agama Kristian akan ditekan supaya berubah untuk memberi ruang kepada pentafsiran yang lebih sekular terhadap agama.

Seperkara yang harus dipertekankan ialah Islam tidak berkongsi nasib sejarah yang sama dengan apa yang berlaku terhadap agama Kristian. Agama Kristian dalam sejarah perkembangannya telah melalui pelbagai bentuk perubahan bukan sahaja dalam bentuk ritual luarannya sahaja malah doktrin dalamnya. Antara sebab utama yang mengakibatkan perubahan ini, sepertimana yang digambarkan oleh Prof. Al-Attas, ialah masalah-masalah dalaman yang begitu mendasar dan asasi seperti kefahaman mengenai Tuhan.<sup>36</sup> Di

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Al-Attas, *Islam and Secularism*, h. 10. Lihat juga lebih lanjut perbincangan panjang lebar mengenai nasib sejarah agama Kristian dan Kebudayaan Barat dalam karya ini h. 1-13, serta karya al-Attas (2001), *Risalah untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 5-11.

samping itu, disebabkan ketiadaan teks asal sebagai sumber rujukan, pelbagai bentuk pentafsiran ke atas agama Kristian telah dikenakan sehingga melahirkan begitu banyak cabang aliran yang berbeza secara asasi di dalam agama tersebut.

Agama Islam sebaliknya tidak mengalami krisis keaslian apabila ia diturunkan secara keseluruhannya dalam keadaan yang sempurna dan dengan keteguhan sumber rujukannya, iaitu al-Qur'an dan Hadis yang tetap terpelihara. Justeru, kefahaman dan pentafsiran masyarakat Islam terhadap perkara-perkara yang asasi dalam agama mereka tidak mengalami perubahan. Agama Islam, dengan kata lain, tidak memerlukan penambahan serta pengubahsuaian dan pematangan dalam sejarah. Apa yang berlaku dalam sejarah Islam hanyalah pendalaman pentafsiran dan kefahaman mengenai unsur-unsur asasi yang terdapat dalam agama berdasarkan sumber-sumbernya yang sahih. Sekiranya berlaku perbezaan antara pentafsiran-pentafsiran tersebut, ia tidak melibatkan perkara-perkara yang asasi seperti faham Tuhan dan kenabian seperti yang terdapat dalam agama Kristian. Justeru itu, sekiranya agama Kristian, seperti yang disentuh di awal artikel ini perlu disesuaikan untuk memberi laluan kepada sekularisasi nilai untuk berperanan dalam agama, agama Islam, atas dasar kesempurnaannya, tidak harus menuruti nasib yang sama. Demikian juga tidak ada sebab proses penisbian nilai, sebagaimana yang telah diterima oleh ahli-ahli teologi Kristian, diterima oleh para ulama, pemikir dan sarjana Islam. Sebaliknya dalam sejarah Islam, para ulama' dan sarjana Islam sejak dari zaman awal lagi telah bertungkus-lumus berusaha melalui usaha-usaha dakwah dan ilmiah untuk memastikan bahawa kandungan agama yang suci ini tidak akan berubah serta diganggu-gugat oleh aliran sekularisasi.

### **Kekuatan Nilai-Nilai Akhlak Agama Dalam Menghadapi Arus Penisbian**

Memahami perbezaan yang agak penting antara dua agama di atas, kita boleh menegaskan bahawa dalam Islam, nilai-

nilai yang disarankan oleh agama melalui sumber-sumbernya yang asli seperti Kitab Suci al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi adalah merupakan nilai-nilai yang benar dan perlu dipertahankan. Malah, dalam konteks Islam, nilai-nilai yang ditentukan oleh agama ternyata mempunyai nilai yang lebih sejagat serta mempunyai tunjang yang lebih kukuh berbanding nilai-nilai yang ditentukan melalui perbahasan falsafah. Penegasan ini berasaskan kepada pemerhatian-pemerhatian berikut:

Pertama, agama Islam diasaskan kepada akidah atau kepercayaan kepada Tuhan serta keyakinan bahawa kesemua nilai-nilai ini ditentukan oleh Tuhan yang menciptakan manusia dan yang Maha Mengetahui berkenaan dengan baik buruknya perbuatan manusia. Kepercayaan ini pula berasaskan kewibawaan (*authority*) Nabi yang telah dibuktikan melalui bukti-bukti nakliyah dan akliyah. Selagi kewibawaan Nabi ini sah dan dapat dipertahankan, bagi seorang Muslim, nilai-nilai yang dibawa oleh agama juga dianggap sah dan perlu dipertahankan.

Tambahan pula, berdasarkan hakikat bahawa Tuhan yang mencipta manusia juga bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan seperti Maha Penyayang (*al-Rahim*), Maha Memelihara (*Muhyamin*), Maha Bijaksana (*al-Hakim*), Maha Adil (*al-'Adil*), Yang Maha Membuat Perhitungan (*al-Hasib*), nilai-nilai yang diturunkan oleh Tuhan kepada manusia juga sudah pasti merupakan nilai-nilai terbaik untuk mereka. Atas dasar akidah ini juga kita tidak menolak kemungkinan bahawa ada nilai-nilai baik dan buruk yang ditentukan agama yang hikmahnya di luar jangkauan akal manusia. Dari segi itu, kita tidak bersetuju dengan golongan Mu'tazilah yang meletakkan setiap nilai baik dan buruk sebagai satu perkara objektif yang terdapat pada perlakuan seseorang dan dapat dicapai secara mutlak oleh akal.<sup>37</sup>

Di sini juga letaknya perbezaan asas nilai keagamaan dengan nilai-nilai pragmatik dan kepenggunaan (*utilitarian*)

<sup>37</sup> Lihat lebih lanjut Fakhr al-Din al-Razi (1934), *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*, Hyderabad: Matba'ah Majlis Dairat al-Ma'arif al-Uthmaniyyah, h. 246-249.

golongan falsafah yang meletakkan kehendak dan keperluan manusiawi secara mutlak sebagai asas nilai baik dan buruk. Keperluan dan kehendak manusiawi, dalam Islam, harus ditundukkan dan disesuaikan dengan keperluan agama. Ini tidak bermakna agama merendahkan peranan akal atau mengeneppikan masalah manusia dalam menentukan nilai dalam kehidupan. Sebaliknya, ia merupakan satu penegasan terhadap keutamaan yang harus diletakkan dalam mengenalpasti sumber nilai dalam pandangan alam Islam. Oleh sebab itulah misalnya para ulama Islam masih memanfaatkan nilai-nilai etika falsafah dalam perbincangan mereka mengenai akhlak.<sup>38</sup> Begitu juga dalam bidang usul fiqh yang membahaskan sumber-sumber serta kaedah mengeluarkan hukum Islam, aspek masalah manusiawi tetap menjadi keutamaan dalam membentuk hukum Islam.<sup>39</sup>

Kedua, asas pembalasan (*eschatology*) yang jelas dalam agama telah memberikan justifikasi yang kukuh terutama terhadap nilai-nilai akhlak yang disarankan oleh agama di samping memberikan kesan yang mendalam terhadap peribadi dan perlakuan seorang Muslim. Dengan kepercayaan bahawa terdapat satu hari akhir yang padanya akan dibalas semua amalan baik dan buruk manusia, hari yang segala tindak-tanduk manusia dari sekecil-kecilnya sehingga yang sebesar-besarnya, yang zahir dan yang batin akan dihisab oleh Tuhan dengan seadil-adilnya, maka sudah tentu kesan akhlakiah yang akan timbul pada tindak-tanduk

<sup>38</sup> Seperti perbincangan Imām al-Ghazālī (1991) mengenai *ummahāt al-fadā'il* (*four cardinal virtues*) dalam perbincangan beliau mengenai akhlak, lihat 'Kitāb 'Ajjā'ib al-Qalb' dalam 'Ihyā' 'Ulūm al-Dīn, jilid 3, Beirut: Dārul Fikr, h. 59-60.

<sup>39</sup> Ulama' usul fiqh dalam mengistinbat hukum telah mengambil kira dua aspek utama iaitu masalah manusia dan tujuan shari'ah. Tujuan shari'ah dibahagikan kepada tiga peringkat keperluan; keperluan asasi (*darūriyyāt*), keperluan tambahan (*hājīyāt*) dan keperluan penyempurnaan (*taḥsīniyyāt*). Aspek *darūriyyāt* terbahagi kepada lima; pemeliharaan terhadap agama, diri, keturunan, harta dan akal. Dalam kesemua perbincangan ini aspek manusiawi dan agama kedua-duanya mempunyai kepentingan. Lihat perbincangan lanjut dalam Abū Ishāq al-Shāṭibī (1997), *Kitāb al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Shari'ah*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 324-338.

seseorang hasil dari kepercayaan ini juga besar. Kesan akhlakiah ini sudah pasti berbeza dengan seorang yang menganggap bahawa dunia ini merupakan satu-satunya kehidupannya yang mutlak atau mereka yang percaya bahawa dosa mereka akan diampunkan dengan mudah oleh Tuhan atas dasar Tuhan adalah kasih sayang (*God is Love*)!

Ketiga, kehadiran Rasulullah s.a.w. sebagai seorang model akhlak unggul dengan misi 'penyempurnaan akhlak yang mulia' telah menjadikan nilai-nilai akhlak dalam Islam lebih sempurna. Segala perjalanan hidup Rasulullah dari sekecil-kecil peristiwa sehinggakan yang terpenting, yang direkodkan dengan begitu teliti dan sempurna melalui disiplin 'ilmu hadis,' telah menjadikan baginda sebagai individu yang paling hampir dengan umatnya. Dengan adanya tauladan murni mengenai nilai-nilai akhlak dari Rasulullah s.a.w. ini, masyarakat Islam dari semua golongan tidak akan mengalami krisis identiti kerana nilai-nilai akhlak yang ditunjukkan oleh baginda merupakan contoh tauladan untuk semua generasi sama ada golongan belia, golongan tua, kanak-kanak dan dewasa, lelaki dan wanita.

Keempat, berbanding dengan nilai-nilai etika subjektif yang dianjurkan oleh pelbagai aliran falsafah seperti yang kita bincangkan sebelum ini, nilai-nilai akhlak yang dianjurkan agama bersifat menyeluruh ke arah melahirkan insan yang baik dari pelbagai segi. Di samping menjadi hamba yang taat kepada Tuhannya, seorang Muslim yang berakhlak mulia juga akan menjelmakan 'adab' kepada dirinya sendiri, kepada keluarga, sahabat, jiran dan negaranya. Justeru itu, insan yang berakhlak dengan nilai-nilai agama juga akan pasti juga menjadi seorang pekerja dan warga negara yang baik dan seterusnya berguna kepada masyarakat sebagaimana yang dituntut oleh falsafah aliran kepenggunaan (*utilitarianism*). Dengan kata lain, nilai-nilai akhlak agama disebabkan sifat kesejagatannya turut merangkumi nilai-nilai yang diperlukan oleh masyarakat keseluruhannya.

Kelima, hakikat di atas juga memaparkan kepada kita bahawa perbincangan mengenai nilai dalam Islam bukan sekadar berlegar di bidang moral dan etika (akhlak), akan

tetapi ia juga menyepadu dalam bidang-bidang agama yang lain seperti akidah dan fiqh. Dalam akidah atau lebih khusus ilmu kalam, perbincangan mengenai hakikat baik dan buruk (*al-husn wa al-qubh*) telah dibincangkan dengan mendalam dan para ulama Ahl al-Sunnah bersepakat bahawa nilai yang baik dalam agama adalah apa yang ditentukan baik oleh shara' sementara nilai yang buruk ialah apa yang ditentukan buruk oleh shara' (*al-husnu mā hassanahu al-Shar' wa al-qubhu mā qabbahahu al-Shar'*). Sementara itu dalam bidang fiqh, nilai-nilai baik dan buruk antara lain diterjemahkan dalam hukum yang lima iaitu wajib, sunat, harus, haram dan makruh. Hukum-hukum ini pada tujuan pensyari'atannya yang akhir adalah untuk menjaga kebaikan pada diri manusia.<sup>40</sup>

### Kesimpulan

Berasaskan latarbelakang perdebatan berkenaan nilai yang berlaku di Barat yang telah dibincangkan di atas dan juga berdasarkan beberapa pemerhatian ke atas nilai baik-buruk yang dianjurkan oleh Islam, seseorang Muslim yang benar-benar beriman dengan Tuhan dan Nabinya seharusnya tidak menghadapi sebarang keraguan tentang kebaikan nilai-nilai keagamaan yang dipegangnya. Beliau juga, dengan itu, tidak wajar menilai tahap keberkesanan nilai-nilai yang diturunkan oleh Tuhan, yang diimani Kekuasaan dan KesempurnaanNya berdasarkan sumber-sumber yang benar, dengan neraca bukan agama seperti neraca pragmatik atau kepenggunaan (*utilitarian*).

Ini jelas kerana nilai-nilai yang dipegang oleh sebahagian besar aliran falsafah di Barat walaupun mungkin dapat memberikan beberapa kebaikan serta mampu menyelesaikan sebahagian masalah kehidupan yang timbul dalam masyarakat, sebagaimana yang dapat kita lihat dalam

<sup>40</sup> Untuk melihat perbincangan tentang bagaimana jelmaan nilai-nilai moral dalam disiplin-disiplin ilmu Islam seperti kalam, fiqh dan akhlak, sila lihat Mohd Farid Mohd Shahrani (1999), 'Akhlak dalam Tradisi Awal Islam', dalam *al-Hikmah*, keluaran Forum ISTAC, tahun 5, bil. 1.

falsafah utilitarian, namun aliran ini, jika ditinjau dari sudut agama, masih lagi pincang kerana mereka mengeneppikan hakikat dan kebenaran yang lebih tinggi seperti kewujudan Tuhan, kebenaran agama serta kemutlakan nilai-nilai yang dibawa oleh agama. Akibatnya, nilai-nilai yang ditafsirkan dalam lingkungan yang sempit, yang berasaskan kepentingan manusiawi semata-mata, terjerumus ke dalam jurang penisbian yang membawa kepada persepsi melihat hakikat manusia dan persekitarannya sebagai sesuatu yang tidak tetap. Apa yang lebih parah lagi ialah apabila nilai-nilai yang diangkat dan dijunjung oleh mereka itu, sepertimana yang dipegang oleh aliran hedonisme, hanyalah tertumpu kepada nilai-nilai yang menjurus kepada aspek jasmaniah dan haiwaniah manusia yang merosakkan berbanding nilai-nilai yang membentuk jiwa akliah dan ruhaniah insan. Mungkin rangkap yang berikut dari Abū al-Faṭḥ al-Buṣṭī, seorang penyair Arab abad ke-10 dapat memberikan gambaran yang tepat mengenai perbandingan nilai-nilai keagamaan dan nilai-nilai hedonistik Barat:

*"Yā khādīm al-jismi  
kam tashqā li khidmatihī  
li taṭluba al-ribḥa fī ma fīhi khusrānu  
aqlib 'ilā al-nafsi fa istakmil fadā'ilaha  
fa anta bi al-nafsi wa lā bi al-jismi insānu"*<sup>41</sup>

"Wahai khadam kepada jasad,  
betapa sengsaranya engkau memberi khidmat  
kepadanya,  
untuk mendapat keuntungan dari sesuatu yang  
padanya ada kerugian,  
Berpindahlah kepada jiwa (*rūḥ*) serta sempurnakanlah  
kelebihannya,  
Engkau sebenarnya menjadi manusia kerana jiwamu  
dan bukan jasadmu".

<sup>41</sup> Abū al-Faṭḥ al-Buṣṭī (1989), *Dīwān Abū al-Faṭḥ al-Buṣṭī*, ed. Duriyyah al-Khaṭīb dan Laṭīfi al-Saqal, Damshik: Maṭbū'ah Majma' Lughat al-'Arabiyyah, h. 183.